

28/09/2000

Pengalaman kegawatan bantu kukuhkan ekonomi

JOHOR BAHRU, Rabu - Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman menyifatkan pengukuhan ekonomi negara yang semakin mantap adalah hasil daripada pengalaman mengharungi kegawatan ekonomi.

Beliau berkata, jika dulu belanjawan negara berdasarkan pulangan pelaburan sama ada daripada kerajaan atau swasta, namun kini, melalui pengurusan tersusun membolehkan negara mendapat pulangan positif, terutama dalam jangka pendek.

"Situasi sedemikian turut dirasai Johor kerana pembangunan pesat bergantung pada belanjawan kewangan kerajaan.

"Oleh itu, faktor yang menjurus pada belanjawan berlebihan itu mula menunjukkan tanda baik dalam ekonomi," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco mingguan di kediaman rasminya, Saujana, di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dipetik berkata, Belanjawan 2001 dijangka lebih baik dan mungkin menjadi belanjawan berlebihan, berikutan ekonomi negara semakin kukuh.

"Saya rasa kita mempamerkan prestasi baik tahun ini. Sebenarnya kita sudah memperoleh wang yang mencukupi," kata Perdana Menteri.

Mengenai sama ada Johor mengenakan syarat tambahan terhadap pelabur, Abdul Ghani menegaskan negeri ini berterusan menerima pelaburan domestik dan asing seperti mana diluluskan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida).

Menurut beliau, Johor menggunakan konsep agensi berpusat seperti di kawasan perindustrian Pasir Gudang yang dibangunkan Johor Corporation.

"Sebenarnya, tiada syarat tambahan apa lagi yang membebankan, dikenakan terhadap pelabur. Kita (Johor) sentiasa menggalakkan pelabur membuat pelaburan masing-masing tanpa sebarang sekatan," katanya.

(END)